

15/08/1998

Umno ke Sabah demi rakyat

Manja Ismail; Mohd Yusof Bakar

KOTA KINABALU, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan Umno tidak berniat menubuhkan kerajaan Melayu/Islam di Sabah apabila mengembangkan sayapnya ke negeri ini dulu.

Sebaliknya, kedatangan Umno ke Sabah semata-mata untuk berganding bahu bersama parti komponen Barisan Nasional (BN) di negeri itu bagi menjaga kepentingan dan memastikan kemajuan rakyat pelbagai kaum di Sabah.

Berucap merasmikan persidangan perwakilan Parti Demokratik Sabah (PDS) keempat di sini petang ini, Perdana Menteri meminta parti komponen BN di Sabah melupakan kepentingan lain kecuali bagi memastikan kemenangan gabungan itu pada pilihan raya negeri akan datang.

"Saya berharap PDS bersama Umno dan parti komponen di negeri ini akan terus berjuang bagi memastikan kejayaan BN di Sabah.

"Kejayaan BN nanti adalah kejayaan rakyat pelbagai kaum," katanya yang juga Pengerusi BN.

Selain Presiden PDS yang juga Ketua Menteri, Tan Sri Bernard Dompok; hadir sama Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Setiausaha Agung BN, Datuk Seri Mohamed Rahmat; bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba dan wakil parti komponen BN.

PDS ialah parti kedua terbanyak dari segi pemilikan kerusi dalam BN negeri.

Daripada 43 kerusi BN di Dewan Undangan Negeri Sabah, Umno mempunyai 21 kerusi, PDS (11), Parti Progresif Sabah (lima), Angkatan Keadilan Rakyat Bersatu (tiga), Parti Bersatu Rakyat Sabah (dua) dan MCA (satu).

Pada ucapan kira-kira 45 minit itu, Perdana Menteri turut menyorot sejarah kejayaan BN dalam memberi peluang sama rata kepada semua kaum di negara ini melalui parti mereka, walau sekecil mana pun.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, rahsia kejayaan BN ialah ia memberi peluang kepada semua parti komponen menyuarakan hak dan kecurigaan mereka melalui mesyuarat Dewan Tertingginya.

Dalam BN, katanya, tidak ada satu parti komponen pun, termasuk Umno sendiri yang boleh mendakwa kehadirannya sahaja membuahkan kejayaan gabungan itu ketika pilihan raya.

"Umno sahaja tidak mungkin boleh mendirikan kerajaan dan begitu juga parti-parti komponen lain. Sebab itu, banyak kali pilihan raya, Umno tidak meletakkan calonnya lebih 50 peratus dalam kerusi yang dipertandingkan," katanya.

Sambil memberikan contoh mengenai kekalahannya di Kota Star Selatan pada 1969, Dr Mahathir berkata musuh sebenar BN yang boleh menewaskannya dalam pilihan raya bukan pembangkang, tetapi parti-parti komponennya sendiri.

Sehubungan itu, katanya, setiap pemimpin parti komponen BN perlu tahu membuat perhitungan politik jika mahukan kemenangan, bukannya mengikut emosi.

Beliau juga berkata, walaupun Dasar Ekonomi Baru (DEB) bertujuan mengagihkan kekayaan sama rata kepada rakyat tanpa mengira kaum, penduduk Sabah agak ketinggalan kerana kerajaan negeri yang diterajui pembangkang sebelum ini tidak dapat bekerjasama dengan Kerajaan Pusat.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan negeri terdahulu lebih mengutamakan perselisihan faham dengan Kerajaan Pusat daripada kepentingan rakyat, menyebabkan penduduk Sabah menjadi mangsa.

"Kita bukan menubuhkan kerajaan untuk melepasi geram...itu bukan tujuan kita. Kerajaan ditubuhkan untuk mentadbirkan negara bagi manfaat rakyat.

Justeru itu, sesiapaapun boleh sertai BN. Sebab itu daripada tiga parti komponen di Sabah, kita terima sehingga sembilan parti.

"Selepas memenangi pilihan raya, kita perlu memulangkan kembali kemenangan itu kepada rakyat melalui khidmat dan pembangunan yang diberikan.

"Perjuangan kita bukanlah untuk menjadi Ketua Menteri, Timbalan Ketua Menteri atau Perdana Menteri, tetapi untuk membangunkan negara ini supaya dihormati di dunia," katanya.

(END)